

# KERTAS KAJIAN AWAL BERKAITAN SUATU UNDANG-UNDANG LOMPAT PARTI UNTUK MALAYSIA

---

## TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan daptan kajian awal berkaitan suatu undang-undang lompat parti untuk Malaysia. Kajian awal yang dilaksanakan ini memfokus kepada penelitian undang-undang yang digunakan di **peringkat Negeri**, termasuk **kes Mahkamah** yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, **model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom** melibatkan peruntukan lompat parti turut dianalisa bagi tujuan penyediaan kertas kajian awal ini.

## LATAR BELAKANG

2. Secara umumnya, beberapa istilah sering digunakan di negara luar berkaitan lompat parti antaranya seperti “**party-switching**”, “**defection**”, “**party jumping**” atau “**floor crossing**” yang mana boleh diterjemahkan sebagai bertukar parti, pembeleton parti dan bertukar kesetiaan kepada parti. Merujuk kepada arena politik di Malaysia, tindakan melompat parti seperti tafsiran tersebut bukanlah suatu yang luar biasa malahan ianya telah menimbulkan banyak perdebatan dan polemik dalam kalangan masyarakat umum.

3. Dalam hal ini, banyak parti politik menghadapi masalah selepas pilihan raya dan sentiasa bimbang dengan ahli-ahli yang pada mulanya mewakili parti mereka akan melompat ke parti saingan. Sebagai contoh,

Parti Bersatu Sabah (PBS) pernah meninggalkan Barisan Nasional (BN) beberapa hari selepas Pilhanraya Umum (PRU) pada tahun 1990. Di Perak, tindakan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) melompat parti juga telah menumbangkan Kerajaan Pakatan Rakyat pada tahun 2009. Yang terbaru membabitkan Langkah Sheraton pada Februari 2020 menyebabkan Kerajaan Pakatan Harapan tumbang.

4. Semenjak PRU-14 tersebut juga, Malaysia berhadapan dengan isu pergolakan politik sehingga menyebabkan berlaku pertukaran penyandang jawatan Perdana Menteri sebanyak tiga (3) kali dan bilangan ahli Parlimen Malaysia yang melompat parti adalah mencecah sehingga 39 orang. Angka tersebut juga dipercayai yang teramai dalam sejarah rekod ahli Parlimen yang melompat parti sejak lebih 60 tahun lalu. Ini merupakan satu isyarat yang jelas menunjukkan bahawa amalan demokrasi negara kita kini adalah tidak sihat dan membimbangkan.

5. Sekiranya dibuat perbandingan dengan negara-negara jiran di rantau Asia Tenggara, Malaysia boleh dianggap sebagai negara berdepan masalah paling ramai ahli Parlimen yang melompat parti. Selain Malaysia, negara-negara lain di dunia yang turut berdepan masalah ahli Parlimen yang melompat parti secara kerap adalah seperti Brazil, Itali, Romania, Ukraine, India, Filipina dan New Zealand. Berdasarkan suatu kajian yang dibuat sekitar tahun 2009, terdapat lebih kurang **41 daripada 193 buah negara** di seluruh dunia telah melaksanakan undang-undang berkaitan anti lompat parti. Bilangan sebanyak 41 buah negara yang menggubal undang-undang berkaitan anti lompat parti berkenaan menunjukkan fenomena wakil rakyat yang melompat parti merupakan isu global yang boleh ditangani melalui instrumen perundangan.

6. Selaras dengan perkara tersebut, cadangan untuk mewujudkan suatu peruntukan undang-undang berkaitan anti lompat parti merupakan salah satu daripada Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan khususnya peranan institusi Parlimen akan terus diperkasakan. Dalam hal ini, Kerajaan komited untuk memastikan undang-undang berkaitan anti lompat parti yang akan digubal dapat melindungi hak rakyat negara ini yang telah memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya

## **IMPLIKASI TINDAKAN LOMPAT PARTI**

7. Umumnya, tindakan ahli Parlimen yang lompat parti menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap ahli Parlimen yang dipilih melalui pilihan raya. Tidak dinafikan pelbagai alasan untuk seorang ahli Parlimen bertindak lompat parti misalnya **pengaruh wang, kuasa dan dijanjikan jawatan dalam parti**. Sikap dan tindakan lompat parti oleh ahli Parlimen secara langsung menggambarkan nilai kesetiaan terhadap parti yang diwakili.

8. Keadaan ini secara langsung menggambarkan kepimpinan parti yang lemah dan memberi indikasi kepada rakyat mengenai ketidakstabilan politik dan Kerajaan yang memerintah. Amalan demokrasi melalui proses pilihan raya juga tidak lagi bernilai kepada ahli Parlimen yang lompat parti. Selain itu, tindakan ahli Parlimen yang lompat parti secara tidak langsung mengakibatkan implikasi negatif kepada institusi diraja sekaligus hak rakyat memilih Kerajaan yang memerintah dinafikan.

9. Dalam konteks ini, jelas negara memerlukan suatu remedi yang efektif bagi mengekang tindakan ahli-ahli Parlimen yang lompat parti. Tindakan ahli Parlimen Pengerang yang telah mengemukakan dua (2) usul iaitu Rang Undang-Undang (RUU) Pemecatan Ahli-Ahli Parlimen 2021 (*Recall of Members Parliament Bill 2021*) dan RUU Pengawalan Lompat Parti dan Akauntabiliti Politik di bawah Peraturan Mesyuarat 49(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat merupakan salah satu cadangan mekanisme yang boleh dipertimbangkan bagi maksud mengekang tren lompat parti dalam kalangan ahli Parlimen jika ia mengikut peraturan yang betul dan teratur.

10. Selaras dengan perkara ini juga, kajian awal berkaitan suatu undang-undang lompat parti untuk Malaysia dilaksanakan merangkumi undang-undang yang di peringkat Negeri, termasuk keputusan kes Mahkamah yang berlaku di beberapa negeri melibatkan pelaksanaan perundangan berkaitan lompat parti. Selain itu, semakan dan penelitian terhadap model perundangan beberapa buah negara seperti India, Singapura, New Zealand dan United Kingdom melibatkan peruntukan lompat parti juga turut diadakan.

## **PERSOALAN AWAL KAJIAN**

11. Implikasi kepada fenomena lompat parti oleh segelintir ahli parlimen ini adalah sangat besar kepada keamanan dan kestabilan negara dari segi sosial dan ekonomi. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) sehingga April 2021, sejumlah 17.56 % ahli Parlimen melompat parti daripada keseluruhan 222 ahli Parlimen. Ketidaktentuan senario politik ini turut menjaskankan

pentadbiran negeri-negeri di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat apabila tumbangnya Kerajaan negeri di Johor, Melaka, Perak dan Kedah akibat daripada gerakan lompat parti dalam kalangan wakil rakyat tanpa sebarang sekatan dan justifikasi yang munasabah.

12. Sebagai contohnya, perbuatan lompat parti oleh segelintir wakil rakyat telah mengakibatkan kemelut politik di Sabah. Tambahan pula, kemelut tersebut berlaku ketika negara sedang berperang untuk mengurangkan kadar jangkitan koronavirus. Walau bagaimanapun, kemelut dan pergolakan politik ini telah memaksa Ketua Menteri pada ketika itu, YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal menasihati Yang di-Pertua negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar bin Mahiruddin membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pada 30 Julai 2020 bagi membolehkan pilihan raya diadakan.

13. Malangnya, kes-kes COVID-19 telah meningkat secara mendadak di Sabah dan negeri-negeri lain selepas pilihan raya tersebut. Perkara ini diakui oleh Perdana Menteri pada ketika itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam sidang media Perutusan Khas Situasi Semasa COVID-19. Hal ini telah menyebabkan Kerajaan terpaksa mengisytiharkan beberapa daerah di Sabah sebagai kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Bersasar atau *Targeted Enhanced Movement Control Order* (TEMCO) untuk menghalang wabak ini daripada menular ke tempat-tempat lain.

14. Walaupun kegiatan lompat parti oleh segelintir wakil rakyat dianggap sebagai hak individu untuk berpersatuan seperti yang termaktub dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan namun perbuatan tersebut berkemungkinan mengakibatkan impak yang besar

kepada masyarakat dan negara secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, fenomena ini telah mengakibatkan Kerajaan dan pembangkang untuk bersetuju melaksanakan Memorandum Persefahaman Antara Kerajaan Persekutuan dan Pembangkang sebagai solusi jangka masa pendek bagi mengekang aktiviti lompat parti ini.

15. Kesannya, MOU yang ditandatangani berjaya mewujudkan satu keadaan politik yang lebih stabil di samping memberikan keyakinan kepada rakyat terhadap Kerajaan yang sedang memerintah. Walau bagaimanapun, tindakan menandatangani MOU ini merupakan satu penyelesaian jangka masa pendek sahaja untuk menjamin kestabilan politik pada ketika ini. Bagi jangka masa panjang seperti mana yang telah dipersetujui dalam MOU itu sendiri, suatu undang-undang lompat parti perlu digubal sebagai penyelesaian jangka masa panjang. Namun demikian, persoalan di sini adalah ciri-ciri dan mekanisme perundangan yang akan digubal masih memerlukan perincian, penelitian kajian dan penetapan dasar. Oleh yang demikian, suatu remedи atau mekanisme yang terbaik diperlukan dipersetujui untuk membendung kecenderungan ahli dewan yang lompat parti.

## **CIRI-CIRI PERUNDANGAN REMEDI ATAU MEKANISME UNTUK MEMBENDUNG TINDAKAN LOMPAT PARTI**

16. Bagi maksud kajian awal ini, tiga (3) jenis remedи atau mekanisme mengekang tindakan lompat parti diteliti dan dianalisa sebagaimana berikut:

### i. RUU Pemecatan Ahli Dewan Rakyat (*Recall Election Law*)

- (a) *Recall Election or Representative Recall* merupakan mekanisme yang membolehkan rakyat menarik balik mandat yang diberikan kepada wakil rakyat sekiranya seseorang itu melompat parti. Ia membolehkan pilihan raya kecil diadakan semula di kawasan tersebut untuk membolehkan rakyat memilih wakil rakyat yang baharu atau dengan kata lainnya hak untuk memilih wakil rakyat yang baharu atau mengekalkan wakil rakyat tersebut dikembalikan semula kepada pengundi.
- (b) Menerusi RUU Pemecatan Ahli Dewan Rakyat (*Recall Election Law*) ini, rakyat diberikan hak untuk menilai prestasi ahli parlimen yang dipilih melalui proses pilihan raya. Hal ini bagi menjaga hak rakyat yang mengundi wakil rakyat tersebut di atas kepercayaan perwakilan mereka sebagai wakil parti politik dan manifesto yang dijanjikan.
- (c) Selain itu, ianya juga berfungsi sebagai **deterrance** bagi masalah lompat parti yang secara langsung dapat membanteras gejala berleluasa di mana wakil-wakil rakyat yang membelakangi mandat yang telah diberikan bukan sahaja daripada parti politik, tetapi juga kepercayaan rakyat. Hal ini juga mampu **meningkatkan integriti** dalam kalangan ahli dewan dan keyakinan rakyat dalam **mengembalikan kuasa memilih** wakil rakyat kepada rakyat dan merupakan satu **langkah progresif** ke arah membina negara lebih demokratik.

Cadangan berkenaan merupakan langkah penting demi **memulihkan dan memelihara amalan demokrasi** serta **memperkuat institusi Parlimen** yang sepatutnya meletakkan kepentingan rakyat dan negara sebagai keutamaan.

- (d) Namun begitu, pelaksanaan RUU ini semestinya akan melibatkan **jumlah kos yang tinggi** serta proses pelaksanaannya **memakan masa yang panjang** terutama bagi proses pilihanraya dan lantikan semula wakil rakyat. Di samping itu juga, cadangan pewujudan Akta ini memerlukan satu **badan yang mempunyai kuasa mengawal, memantau dan melaksanakan** setiap peruntukan yang terdapat di dalam peruntukan akta ini. Di bawah peruntukan ini, **undang-undang yang melibatkan proses perjalanan pilihanraya dan berkaitan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)** perlu **dipinda** serta mengenalpasti pihak-pihak yang diberi kuasa melaksanakan *Recall Election* seperti memecat wakil rakyat atau melaksanakan pilihanraya baru.
- (e) Akta ini juga terdedah kepada golongan atau pakatan yang **berniat buruk (*mala fide*)** yang boleh mengemukakan petisyen atau referendum yang tidak benar bagi memecat ahli dewan yang tidak disukai untuk apa-apa tujuan sekalipun. Seperti yang dinyatakan, pelaksanaan RUU ini memerlukan pindaan kepada akta-akta lain yang berkaitan.

## ii. Pindaan Perlembagaan (*Constitutional Amendments*)

- (a) Pindaan kepada Perlembagaan adalah perlu bagi memastikan suatu akta baharu berkaitan usaha menangani isu lompat parti dapat digubal.
- (b) Proses pelaksanaan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan adalah mengambil **tempoh yang lebih singkat** berbanding penggubalan undang-undang baharu melalui suatu Akta. Selain implikasi **pelaksanaannya adalah untuk jangka masa yang lebih panjang**. Pemecatan atau pengosongan kerusi adalah berdasarkan kepada peruntukan dalam perlembagaan di mana prosedur pilihan raya sedia ada perlu diikuti jika berlaku kekosongan akibat pemecatan wakil rakyat. Oleh kerana peruntukan ini jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan, maka ianya **tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak dan tidak wujud isu *ultra-vires* (percanggahan)**.
- (c) Dalam hal ini, penelitian kepada pindaan Perlembagaan hendaklah juga mengambil kira Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan antara lain, **kebebasan untuk berpersatuan** bagi mengelakkan sebarang isu percanggahan antara cadangan pindaan berkaitan lompat parti.
- (d) Namun pindaan pada Perlembagaan Persekutuan memerlukan 2/3 sokongan majoriti ahli Dewan. Selain itu

itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan satu prosedur kerja yang baharu sebagai panduan bagi pemecatan atau pengosongan kerusi Ahli Dewan. Dicadangkan agar pindaan ini dimasukkan dan dilampirkan dalam Jadual di dalam Perlembagaan Persekutuan secara terperinci.

(e) Sekiranya pindaan Perlembagaan Persekutuan dilaksanakan bagi menguatkuasa perundangan lompat parti ini, maka beberapa perkara di dalam Perlembagaan perlu dipinda. Antara peruntukan tersebut adalah Perkara 10 dan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan seperti berikut:

*“Freedom of speech, assembly and association*

10. (1) *Subject to Clauses (2), (3) and (4)—*

- (a) *every citizen has the right to freedom of speech and expression;*
- (b) *all citizens have the right to assemble peaceably and without arms;*
- (c) *all citizens have the right to form associations.*

(2) *Parliament may by law impose—*

- (a) *on the rights conferred by paragraph (a) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, friendly relations with other countries, public order or morality and restrictions designed to protect the privileges of Parliament or of any Legislative Assembly or to provide against contempt of court, defamation, or incitement to any offence;*
- (b) *on the right conferred by paragraph (b) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order;*
- (c) *on the right conferred by paragraph (c) of Clause (1), such restrictions as it deems necessary or expedient in the interest of the security of the Federation or any part thereof, public order or morality.*

*(3) Restrictions on the right to form associations conferred by paragraph (c) of Clause (1) may also be imposed by any law relating to labour or education.*

*(4) In imposing restrictions in the interest of the security of the Federation or any part thereof or public order under Clause (2)(a), Parliament may pass law prohibiting the questioning of any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III, Article 152, 153 or 181 otherwise than in relation to the implementation thereof as may be specified in such law.”*

*“Disqualification for membership of Parliament*

*48. (1) Subject to the provisions of this Article, a person is disqualified for being a member of either House of Parliament if—*

- (a) he is and has been found or declared to be of unsound mind; or*
- (b) he is an undischarged bankrupt; or*
- (c) he holds an office of profit; or*
- (d) having been nominated for election to either House of Parliament or to the Legislative Assembly of a State, or having acted as election agent to a person so nominated, he has failed to lodge any return of election expenses required by law within the time and in the manner so required; or*
- (e) he has been convicted of an offence by a court of law in the Federation (or, before Malaysia Day, in the territories comprised in the State of Sabah or Sarawak or in Singapore) and sentenced to imprisonment for a term of not less than one year or to a fine of not less than two thousand ringgit and has not received a free pardon; or*
- (f) he has voluntarily acquired citizenship of, or exercised rights of citizenship in, any country outside the Federation or has made a declaration of allegiance to any country outside the Federation.*

*48 (2) Federal law may impose, for such periods as may be specified thereby, disqualification for membership of either House of Parliament on persons committing offences in connection with elections; and any person who has been convicted of such an offence or has in proceedings relating to an election been proved guilty of an act constituting such an offence, shall be disqualified accordingly for a period so specified.*

(3) *The disqualification of a person under paragraph (d) or paragraph (e) of Clause (1) may be removed by the Yang di-Pertuan Agong and shall, if not so removed, cease at the end of the period of five years beginning with the date on which the return mentioned in the said paragraph (d) was required to be lodged, or, as the case may be, the date on which the person convicted as mentioned in the said paragraph (e) was released from custody or the date on which the fine mentioned in the said paragraph (e) was imposed on such person and a person shall not be disqualified under paragraph (f) of Clause (1) by reason only of anything done by him before he became a citizen.*

(4) *Notwithstanding anything contained in the foregoing provisions of this Article, where a member of either House of Parliament becomes disqualified from continuing to be a member thereof pursuant to paragraph (e) of Clause (1) or under a federal law made in pursuance of Clause (2)—*

*(a) the disqualification shall take effect upon the expiry of fourteen days from the date on which he was—*

- (i) convicted and sentenced as specified in the aforesaid paragraph (e); or*
- (ii) convicted of an offence or proved guilty of an act under a federal law made in pursuance of Clause (2); or*

*(b) if within the period of fourteen days specified in paragraph (a) an appeal or any other court proceeding is brought in respect of such conviction or sentence, or in respect of being so convicted or proved guilty, as the case may be, the disqualification shall take effect upon the expiry of fourteen days from the date on which such appeal or other court proceeding is disposed of by the court; or*

*(c) if within the period specified in paragraph (a) or the period after the disposal of the appeal or other court proceeding specified in paragraph (b) there is filed a petition for a pardon, such disqualification shall take effect immediately upon the petition being disposed of.*

(5) *Clause (4) shall not apply for the purpose of nomination, election or appointment of any person to either House of Parliament, for which purpose the disqualification shall take effect immediately upon the occurrence of the event referred to in paragraph (e) of Clause (1) or in Clause (2), as the case may be.*

(6) *A person who resigns his membership of the House of Representatives shall, for a period of five years beginning with the date on which his resignation takes effect, be disqualified from being a member of the House of Representatives".*

### **iii. Undang-Undang spesifik berkaitan anti lompat parti**

- (a) Cadangan mewujudkan sebuah undang-undang khusus mengenai anti lompat parti ini adalah bertujuan menghentikan tindakan mana-mana ahli Dewan Undangan Negeri atau ahli Parlimen yang telah dipilih dan dilantik oleh rakyat melalui proses pilihan raya yang sah daripada melompat parti atau berhenti daripada jawatan yang dipegang oleh ahli tersebut dengan sesuka hati tanpa sebab-sebab yang munasabah. Hal ini juga dapat melindungi hak rakyat negara ini yang memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya.
- (b) Proses penggubalan akta ini perlu mengambil kira parameter dan skop akta tersebut setelah pelaksanaan **libat urus yang holistik**. RUU tersebut juga hendaklah mengandungi segala peruntukan yang menjelaskan mengenai lompat parti, **pemecatan dan pengisian kekosongan akibat pemecatan** tersebut yang bersifat dinamik.
- (c) Ia perlu dibahaskan di Parlimen dan proses pelaksanaanya hanya **memerlukan sokongan secara majoriti mudah**. Hal ini juga bagi menjamin kestabilan politik dan pentadbiran negara kita untuk jangka masa panjang (*long-term effect*).

- (d) Dalam masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa proses penggubalan akta yang kompleks dan menyeluruh yang mana pelaksanaan akta ini secara langsung **memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.**
- (e) Selain itu, Rang Undang-undang ini lebih bersifat **party centric rather than public centric** atau dengan kata lain ciri-ciri dan parameter gubalan RUU ini memfokus kepada parti-parti politik yang menerima kesan berbanding rakyat. Dalam hal ini, jelas implikasi daripada perwartaan Akta tersebut akan memberi kesan langsung kepada ahli Parlimen yang dipilih mewakili suatu parti namun bertindak lompat parti dan berkemungkinan RUU tersebut tidak dipersetujui kebanyakannya ahli Parlimen jika dibandingkan dengan *Recall Election* yang memberi kuasa kepada rakyat untuk menilai prestasi seorang ahli Parlimen.
- (f) Pelaksanaan RUU ini juga dijangka berhadapan dengan **cabaran dan maklumbalas daripada negeri-negeri.** Sekiranya pemakaian Akta ini tidak dikuatkuasakan dan diselaraskan di peringkat negeri, matlamat dan hasrat kerajaan untuk mencegah amalan lompat parti ini tidak berjaya.

Perincian perbandingan dan analisa remedi/mekanisme ini adalah seperti di **Lampiran A.**

## **ANALISA KAJIAN**

17. Kajian awal ini turut meneliti peruntukan lompat parti yang dijelaskan melalui Enakmen Negeri dan perundangan negara luar seperti di **United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura.**

### **i. Peruntukan Lompat Parti dalam Enakmen Negeri**

- a. Pada peringkat Persekutuan, Malaysia masih belum mempunyai undang-undang yang menghalang atau menyekat ahli Parlimen daripada bertukar parti politik yang mereka wakili semasa pilihan raya. Tetapi pada peringkat negeri, Sabah dan Kelantan pernah mempunyai peruntukan berkaitan anti lompat parti. Peruntukan dalam **Perlembagaan Tubuh Negeri Kelantan telah diputuskan oleh Mahkamah sebagai tidak sah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.**
- b. Di dalam **Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan, Perkara 31A** memperuntukkan bahawa “*jika mana-mana ahli Dewan Negeri yang dipilih menjadi ahli suatu parti politik meletakkan jawatan atau dibuang daripada parti itu, atau atas apa-apa sebab jua berhenti daripada menjadi suatu ahli parti politik itu, dia hendaklah terhenti menjadi ahli Dewan Negeri dan kerusinya hendaklah menjadi kosong*”.
- c. Perkara 31A dalam Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan tersebut telah dicabar di Mahkamah melalui kes

**DUN Negeri Kelantan & Anor v Nordin Salleh & Anor [1992] 3 CLJ 135.** Di dalam kes ini, dua (2) orang ADUN dari Parti Semangat 46 iaitu Nordin Salleh dan Wan Najib telah lompat menyertai parti UMNO, lalu mereka dilucutkan jawatannya sebagai ADUN melalui kuatkuasa pindaan baru itu. Pilihan Raya Kecil telah dilaksanakan di mana mereka bertanding menjadi calon UMNO lalu kalah kepada calon Parti Semangat 46. Isu utama yang dibangkitkan adalah berkenaan kesahan Perkara 31A tersebut di mana pihak plaintiff (Nordin Salleh & Anor) menghujahkan bahawa peruntukan 31A tersebut telah menyekat kebebasan asasi Ahli Dewan untuk melaksanakan hak kebebasan berpersatuan yang dijamin oleh Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Pihak defendant (Dewan Undangan Negeri Kelantan & Ors) pula berhujah bahawa Perkara 31A Perlembagaan Negeri Kelantan tersebut tidak menghalang seorang anggota Dewan Undangan Negeri yang merupakan anggota parti politik untuk menyertai mana-mana parti politik yang lain, oleh itu, peruntukan tersebut tidak bertentangan dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.

- d. Hujah pihak defendant ini tidak diterima oleh Mahkamah yang kemudiannya memutuskan bahawa peruntukan tersebut sebagai tidak sah kerana niat sebenar Perkara 31A adalah untuk menghalang/menyekat Ahli Dewan daripada meninggalkan parti politik yang menjadi tiket kepadanya menjadi Ahli Dewan, atas apa sebab sekalipun. Walaupun Perkara 31A tidak secara langsung

menyekat kebebasan berpersatuan seseorang Ahli Dewan, namun kesan langsung kepada peruntukan Perkara 31A itu ialah, kebebasan berpersatuan seseorang Ahli Dewan itu harus dibayar dengan kehilangan kerusi. Justeru, kebebasan berpersatuan itu bukan kebebasan sebenar dan ia hanya menjadi satu ilusi. Mahkamah juga membuat keputusan bahawa hanya Parlimen yang boleh meletakkan sekatan ke atas kebebasan asasi.

- e. Secara ringkasnya, Perkara 31A Perlembagaan Kelantan tersebut adalah terbatal kerana bercanggah dengan kebebasan berpersatuan di bawah Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan yang meliputi meliputi hak memilih, menyertai dan meninggalkan parti politik.
- f. Bagi negeri **Sabah** pula, peruntukan berkaitan undang-undang lompat parti iaitu **Perkara 18(2)(d)** telah dimasukkan dalam Perlembagaan Negeri Sabah oleh **Enakmen Perlembagaan (Pindaan) Negeri Sabah** pada tahun 1986. Pindaan kepada peruntukan tersebut memberi kesan bahawa kerusi sebagai Ahli Dewan akan menjadi kosong sekiranya beliau bersara atau dipecat, atau atas apa sebab sekalipun tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum ini.
- g. Peruntukan tersebut telah dipersoalkan kesahannya di sisi Perlembagaan Persekutuan di dalam kes **Abdul Karim bin Abdul Ghani vs Legislative Assembly of**

**Sabah [1988] 1MLJ 171.** Pemohon dalam kes ini (Abdul Karim) memohon kepada Mahkamah Persekutuan satu kebenaran, untuk mendapatkan pengisytiharan Mahkamah Agung, bahawa pindaan kepada Perlembagaan Negeri Sabah tersebut adalah tidak sah.

- h. Alasan yang dikemukakan oleh pemohon ialah Dewan Undangan Negeri Sabah tidak diberikan kuasa dan bukan badan yang kompeten untuk membuat peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang ahli Dewan. Seterusnya dihujahkan bahawa Dewan Undangan Negeri telah secara tidak sah dan tidak berperlembagaan merampas kuasa Parlimen untuk membuat peruntukan berkenaan sebagaimana peruntukan Perkara 74(1) dan Butiran 6 Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.
- i. Permohonan pemohon ditolak oleh Mahkamah. Dengan kata lain, kebenaran (*leave*) tidak dibenarkan. Dalam alasan penghakimannya, Hakim Mahkamah Agung, Hashim Yeop A. Sani menyatakan bahawa tiada kesangsian lagi Parlimen mempunyai kuasa tentang hilang kelayakan bagi Ahli Parlimen, tetapi, hilang kelayakan Ahli Dewan Undangan Negeri adalah di bawah kuasa Dewan Undangan Negeri kerana ia adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri sebagaimana jelas di bawah perenggan 6, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan. Menurut Mahkamah Agung, hal ini juga jelas pada Perenggan 5 Jadual Kelapan bahawa hilang

kelayakan adalah di bawah kompetensi Negeri. Perenggan 5 memperuntukkan seperti berikut:

*"Every citizen of or over the age of twenty-one years who is resident in the State is qualified to be a member of the Legislative Assembly, unless he is disqualified for being a member by the Federal Constitution or this Constitution or by any such law as is mentioned in section 6 of the Eighth Schedule to the Federal Constitution."*

- j. Keputusan di Mahkamah Persekutuan ini menunjukkan bahawa Dewan Undangan Negeri boleh membuat peruntukan berkaitan hilang kelayakan seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri. Namun demikian, walaupun Mahkamah memutuskan begitu, Perkara 18(2)(d) yang ditambah kepada Perlembagaan Negeri Sabah telah dimansuhkan oleh Enakmen 11 pada tahun 1995.
- k. Bagi negeri **Pulau Pinang**, peruntukan berkaitan undang-undang anti-lompat telah dimasukkan di **Perkara 14A Enakmen Perlembagaan Negeri (Pindaan) 2012** yang memperuntukkan bahawa "*ahli yang menukar parti politik hendaklah mengosongkan kerusinya jika dia bertukar parti atau berhenti menjadi ahli parti atas apa jua alasan. Ahli Bebas juga hendaklah mengosongkan kerusinya sekiranya beliau menyertai sesbuah parti politik. Namun demikian, Perkara 14A ini mengecualikan wakil rakyat daripada mengosongkan kerusinya jika keahliannya berakhir kerana pembubaran atau pembatalan pendaftaran partinya dan sekiranya dia dipilih sebagai*

*speaker dewan undangan negeri.”* Namun demikian, sehingga kini tiada cabaran di mahkamah atau kesahan (*constitutionality*) Perkara 14A tersebut.

- I. Begitu juga dengan di **Sarawak** di mana sehingga kini tiada makluman jelas berkaitan kedudukan terkini undang-undang anti lompat parti tersebut sama ada dicabar di mahkamah atau tidak.

Perincian peruntukan lompat parti dalam Enakmen Negeri adalah seperti **di Lampiran B.**

## ii. **Perundangan Negara Luar**

- a. Beberapa negara-negara luar telah mempunyai perundangan khususnya bagi mengekang wakil-wakil rakyat yang lompat parti bagi kepentingan tersendiri. Terdapat beberapa kaedah atau format yang digunakan oleh negara-negara tersebut dalam menangani isu ini.
- b. Misalnya, **India telah memasukkan peruntukan di dalam Perlembagaan** sebagai Jadual X yang melarang wakil rakyat daripada lompat parti melainkan terdapat sebab-sebab tertentu seperti yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut. Peruntukan ini memberikan kuasa sepenuhnya kepada Speaker Dewan untuk menentukan status wakil rakyat yang lompat parti.

- c. Perkara yang sama dapat dilihat di **Singapura** di mana **peruntukan yang melarang wakil rakyat melompat parti dimasukkan dalam Perlembagaan** mereka sebagai Perkara 46(2)(b). Sekiranya seorang wakil rakyat dianggap sebagai lompat parti, maka kerusi tersebut akan dikosongkan dan pilihan raya bagi mengantikan wakil rakyat tersebut akan diadakan secara kebiasaan.
- d. **New Zealand** telah mewujudkan suatu akta yang khusus **[Electoral (Integrity) Amendment Act 2018]** bagi mengawal tindakan wakil rakyat yang dipilih rakyat serta telah melarang tindakan lompat parti oleh wakil rakyat.
- e. Bagi negara **United Kingdom** pula, satu akta **Recall of MPs Act 2015 (RMA)** telah pun dikuatkuasa. Namun, akta ini **tidak meliputi tindakan lompat parti** oleh wakil-wakil rakyat dijadikan alasan bagi rakyat untuk mengadakan semula pilihan raya. Oleh yang demikian, satu Rang Undang-Undang **Recall of MPs (Change of Party Affiliation) Bill 2019-21** sedang dibentangkan di **House of Commons, UK** yang akan melarang wakil rakyat yang dipilih daripada lompat parti mereka. Rang Undang-Undang ini masih berada dalam bacaan kedua di **House of Commons**.

Perincian perbandingan perundangan lompat parti negara luar adalah seperti di **Lampiran C**.

## **ANALISA PERSOALAN DAN SENARIO**

18. Terdapat beberapa senario yang telah dicadangkan sebagai lompat parti dan pengecualian untuk lompat parti. Antara senario tersebut adalah seperti berikut:

- a) **Ahli yang menukar parti politik** (dari suatu parti ke parti politik yang lain) **hendaklah mengosongkan kerusinya jika dia bertukar parti atau berhenti** menjadi ahli parti atas apa jua alasan. Walaupun mereka berada dalam gabungan yang sama.

### **Senario 1**

*Datuk Mamat daripada Parti Daun (Dalam gabungan Perikatan Kita) telah keluar parti dan menjadi ahli Parti Bunga Raya (juga dalam perikatan Kita).*

- b) **Ahli yang menukar parti politik (dari suatu parti ke parti politik yang lain dalam parti gabungan berbeza)** hendaklah mengosongkan kerusinya jika dia bertukar parti atau berhenti menjadi ahli parti atas apa jua alasan.

### **Senario 2**

*YB Rama daripada Parti Pelangi dibawah gabungan Barisan Cahaya (BC) telah keluar menjadi ahli Parti Bunga di bawah gabungan Pakatan Rakyat Sejahtera (PRS).*

- c) Seseorang yang **dipilih sebagai ahli Bebas** juga mesti **mengosongkan kerusinya** jika orang itu menyertai sesebuah parti politik.

### **Senario 3**

*Dato Karim yang merupakan ahli Parlimen Bebas telah memohon menjadi ahli Parti Pahlawan*

- d) Seseorang yang **dipilih sebagai ahli** juga mesti **mengosongkan kerusinya jika orang itu memilih** menjadi ahli **Bebas**.

### **Senario 4**

*YB Fatimah yang merupakan ahli Parti Srikandi telah keluar parti dan menjadi ahli Parlimen Bebas.*

- e) Seseorang **bersara atau dipecat**, atau atas apa sebab sekalipun tidak lagi menjadi ahli parti politik yang disertainya sebelum itu.

### **Senario 5**

*YB Razak telah dipecat daripada Parti Debunga disebabkan tidak bersetuju/ bertentangan pendapat dengan polisi parti.*

### **Senario 6**

*Dato' Sri Abidin dipecat daripada Parti Pembela disebabkan beliau menyokong polisi / usul yang dibentangkan di Parlimen oleh Parti Kapas.*

19. Terdapat beberapa pengecualian yang boleh dipertimbangkan diberikan kepada ahli Parlimen daripada peruntukan lompat parti. Antaranya seperti berikut:

- a) Sekiranya keahliannya berakhir kerana pembubaran parti atau pembatalan pendaftaran

### **Senario 1**

*Puan Yaya adalah daripada Parti Cawan dan Parti tersebut telah dibubarkan atau dibatalkan pendaftarannya lalu Puan Yaya menyertai Parti Bintang atau menjadi Wakil Rakyat bebas.*

- b) Sekiranya dipilih ke Dewan sebagai Speaker atau Timbalan Yang di-Pertua sama ada Dewan Rakyat atau mana-mana Dewan Undangan Negeri atau dipilih sebagai Timbalan Pengurus Majlis Negeri atau Timbalan Pengurus atau Pengurus Majlis Perundangan sesuatu Negeri.

### **Senario 2**

*Dato Yaman telah dipilih sebagai Speaker Dewan Rakyat / Dewan Undangan Negeri bagi menggantikan Speaker sedia ada yang telah tamat tempoh.*

- c) Sekiranya selepas penggabungan parti asalnya dengan parti/pihak lain; dan

### **Senario 3**

*YB Huda daripada Parti Cekap. Parti Cekap telah bergabung dengan Parti Sihat menjadi Parti Cekap Sihat. Kini, YB Huda menjadi ahli dalam parti Cekap Sihat.*

20. Dalam scenario 3 diatas, percantuman parti boleh diterima jika ia dilakukan dengan tersusun dan mengikut aturan serta perlembagaan parti masing-masing. Pembentukan sesebuah kerajaan melalui cantuman antara parti terbesar dan parti-parti politik lain tidak boleh ditafsirkan sebagai melompat parti.

21. Pelbagai tafsiran mengenai apa yang dimaksudkan dengan lompat parti diutarakan oleh pelbagai pihak. Pelbagai cadangan definisi bagi lompat parti dinyatakan oleh pelbagai pihak mengikut pandangan dan sudut kepentingan masing-masing. Tujuan seseorang ahli politik bertukar parti adalah tidak sama. Keadaan ini dipengaruhi beberapa faktor seperti **kepentingan material, tiada kesepakatan dengan kepimpinan parti** atau mungkin **parti tidak lagi memperjuangkan matlamat asal**.

22. Sehubungan dengan itu, wujud beberapa persoalan berkaitan dengan senario-senario seperti di perenggan 18 dan perenggan 19 yang perlu ditentukan sebelum apa-apa pindaan dan/atau penggubalan Akta dilaksanakan. Antara persoalannya adalah seperti berikut:

**i. Persoalan 1**

Ahli Dewan kerajaan yang berada di blok pembangkang, adakah ini juga bermaksud lompat parti yang terangkum di bawah istilah *Floor Crossing?*

**ii. Persoalan 2**

Parti ABC adalah daripada Gabungan Cantik. Parti ABC telah keluar daripada Gabungan Cantik dan menyertai Gabungan Kita dan seterusnya membentuk Kerajaan.

- a) Adakah semua ahli Parti ABC diklasifikasikan sebagai lompat parti?
- b) Sekiranya Puan Mihun daripada Parti ABC enggan untuk menyertai Gabungan Kita, adakah beliau dikatakan lompat parti?

### **iii. Persoalan 3**

Adakah seseorang Ahli Dewan yang mengundi dalam Dewan berbeza dengan arahan partinya boleh dianggap sebagai lompat parti?

### **iv. Persoalan 4**

Encik Sayang merupakan Ahli Parti Cinta. Beliau telah dipecat daripada Parti Cinta dan secara automatik beliau menjadi Ahli Bebas.

- a) Adakah ini dianggap sebagai lompat parti?
- b) Adakah Encik Sayang tidak boleh menyertai mana-mana parti politik sepanjang umur?

### **v. Persoalan 5**

Encik Sayang telah dipecat daripada Parti Cinta dan telah menjadi Ahli Bebas sepanjang tempoh menjadi wakil rakyat. Adakah Encik Sayang boleh mendaftar sebagai ahli dalam Parti Cantik selepas kerajaan dibubarkan dan sebelum pilihan raya seterusnya diadakan?

### **vi. Persoalan 6**

Adakah ahli politik atau wakil rakyat yang melompat parti dan kehilangan kerusi dikenakan suatu tempoh bertengang sebelum dibenarkan untuk bertanding semula dalam pilihanraya berikutnya?

## KESIMPULAN

23. Berdasarkan kajian awal dilaksanakan dan dijelaskan, RUU Pemecatan Ahli Parlimen secara terus memberikan hak kepada rakyat untuk menilai prestasi ahli Parlimen yang dipilih melalui proses pilihan raya. Selain itu, pelaksanaan RUU ini jelas akan meningkatkan integriti ahli Parlimen untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat di kawasannya. Pada masa yang sama, mekanisme ini juga mewujudkan elemen semak dan imbang (*check & balance*) dengan penglibatan badan bebas seperti SPR yang diberi kuasa bagi menentukan kesahihan dan melaksanakan proses *recall election* tersebut. Namun, pelaksanaan RUU Pemecatan Ahli Parlimen ini akan memerlukan kos yang tinggi untuk suatu PRK akibat kekosongan kerusi. Akta-akta lain berkaitan seperti Akta SPR juga perlu dipinda dan penstrukturkan fungsi SPR perlu dilaksanakan mengakibatkan pelaksanaan RUU ini mengambil tempoh masa yang panjang.
24. Cadangan penggubalan suatu undang-undang anti lompat parti melibatkan proses penggubalan Akta yang lebih singkat dan pelaksanaan Akta untuk jangka masa yang panjang (*long-term effect*). Pewujudan Akta yang spesifik ini akan mengandungi segala prosedur dan proses kerja yang teribat dalam pemecatan ahli Parlimen yang lompat parti termasuk proses pengisian kekosongan akibat pemecatan tersebut. Secara umumnya, Akta ini dilihat akan bersifat dinamik iaitu boleh dipinda dan dimasukkan peruntukan yang baharu mengikut keperluan semasa.

25. Namun, penggubalan Akta ini memerlukan sesi libat urus yang holistik dan menyeluruh untuk menentukan parameter penggubalan Akta dan kesesuaian peruntukan-peruntukan yang perlu dimasukkan. Pada masa yang sama, Akta seumpama ini adalah bersifat *party centric rather than public centric* di mana keseluruhan intipati Akta adalah berkaitan elemen kesetiaan seorang ahli Parlimen terhadap parti diwakili dan implikasi atau tindakan yang akan dikenakan sekiranya bertindak lompat parti berbanding *recall election* yang memberikan kuasa kepada rakyat atau pemilih menentukan proses tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya pemakaian Akta ini tidak dikuatkuasakan dan diselaraskan di peringkat negeri, matlamat dan hasrat Kerajaan untuk mencegah amalan lompat parti ini juga akan tidak berjaya.

26. Remedi atau mekanisme seterusnya yang wajar dipertimbangkan Kerajaan untuk tujuan ini adalah pindaan beberapa peruntukan tertentu dalam Perlembagaan Persekutuan berkaitan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dalam hal ini, proses pelaksanaan pindaan Perlembagaan Persekutuan mengambil masa yang lebih singkat dan implikasi pelaksanaan adalah untuk jangka masa panjang. Pemecatan dibuat berdasarkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang mana tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak/tiada isu *ultra-vires* (percanggahan).

27. Namun, penyelarasan pindaan perlu diberi perhatian supaya tiada percanggahan wujud dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang dipinda. Selain itu, pindaan Perlembagaan memerlukan dua per tiga sokongan majoriti ahli Dewan sebelum diluluskan. Oleh yang demikian, pindaan Perlembagaan Persekutuan yang akan dilaksanakan

harus jelas matlamatnya dan implikasinya. Selain itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan suatu prosedur kerja yang baharu sebagai panduan sekiranya berlaku pemecatan dan dicadangkan dimasukkan sebagai suatu Jadual kepada Perlembagaan Persekutuan.

28. Satu soal selidik awam telah dihebahkan kepada ahli-ahli Parlimen dan masyarakat umum bagi mendapatkan pandangan serta pendapat mereka mengenai cadangan peruntukan undang-undang lompat parti ini. Soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah seperti di **Lampiran D**.

#### **ANALISA SOAL SELIDIK AWAM MENGENAI CADANGAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG LOMPAT PARTI**

29. Seramai 7,571 responden dalam kalangan Ahli Parlimen iaitu seramai 110 orang dan orang awam seramai 7,461 orang telah menjawab kaji selidik awam mulai 23 Nov -12 Dis 2021 (3 minggu) yang dikendalikan BHEUU JPM mengenai cadangan peruntukan undang-undang lompat parti. Berikut adalah perincian analisa soal selidik awam tersebut:

##### **i. Taksiran/situasi lompat parti**

Daripada soal selidik awam yang dilaksanakan, sebanyak 87.8% orang awam dan 84.5% ahli Parlimen bersetuju bahawa tindakan seorang wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) berubah/bertukar dari suatu parti politik yang diwakilinya kepada parti politik lain merupakan tindakan lompat parti.

Selain itu, sebanyak 89.1% orang awam dan 84.5% ahli Parlimen bersetuju bahawa tindakan seorang wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) berubah/bertukar dari suatu parti politik di bawah parti gabungan kepada parti politik lain di bawah parti gabungan lain juga dianggap lompat parti.

## **ii. Pengecualian lompat parti**

Berdasarkan soal selidik yang disediakan mengenai pengecualian tindakan lompat parti, analisa keputusan soal selidik tersebut menunjukkan :

- (a) 52.5% orang awam dan 57.3% ahli Parlimen bersetuju bahawa tindakan seorang wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) bebas menjadi ahli dalam mana-mana parti atau daripada ahli parti menjadi ahli bebas dianggap bukan lompat parti;
- (b) 80.6% orang awam dan 90% ahli Parlimen berpendapat tindakan seorang wakil rakyat dipecat dari parti kerana tidak bersetuju dengan polisi parti juga dianggap bukan lompat parti;
- (c) 81.7% orang awam dan 92.7% ahli Parlimen mengatakan bahawa tindakan seorang wakil rakyat dipecat dari parti kerana menyokong usul/polisi parti lain semasa di Parlimen bukan tindakan lompat parti;
- (d) 89.1% orang awam dan 93.6% ahli Parlimen bersetuju tindakan wakil rakyat daripada suatu parti yang telah

- dibubarkan/dibatalkan pendaftaran menyertai parti lain bukan lompat parti; dan
- (e) 93.5% orang awam dan 94.5% ahli Parlimen bersetuju bahawa seorang wakil rakyat dipilih sebagai Speaker Dewan Rakyat menggantikan Speaker yang tamat tempoh bukan lompat parti.

### **iii. Persoalan dasar**

Selain itu, soal selidik yang dilaksanakan juga turut merangkumi beberapa persoalan dasar berkaitan tindakan lompat parti untuk pandangan dan maklum balas ahli Parlimen dan orang awam. Analisa terhadap maklum balas persoalan dasar tersebut adalah seperti berikut:

- (a) 64.2% orang awam dan 57.3% ahli Parlimen bersetuju bahawa kerusi yang dikosongkan kerana lompat parti akan menyebabkan seseorang ahli Dewan Rakyat kehilangan hak selama-lamanya untuk bertanding semula; dan
- (b) 67.3% orang awam dan 65.5% ahli Parlimen tidak bersetuju dengan keadaan di mana ahli Dewan Rakyat yang melompat parti layak untuk bertanding semula dalam pilihan raya yang berikutnya seperti pilihan raya kecil.

#### **iv. Parameter gubalan undang-undang anti-lompat parti**

Soal selidik ini juga turut mendapatkan maklum balas responden mengenai beberapa parameter gubalan undang-undang anti lompat parti sebagaimana berikut:

##### **(a) Parameter 1: tempoh menunggu sebelum bertanding semula**

44% daripada keseluruhan responden bersetuju bahawa tempoh menunggu 1 penggal atau 5 tahun harus dikenakan kepada tindakan seorang wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) yang bertindak lompat parti manakala sebanyak 20% responden bersetuju bahawa seorang wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) yang bertindak lompat parti harus menunggu selama tempoh 2 penggal atau 10 tahun untuk bertanding semula. Pada masa yang sama, sebanyak 16% responden bersetuju untuk mana-mana wakil rakyat (ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara) yang bertindak lompat parti hilang kelayakan bertanding semula atau tidak dibenarkan bertanding semula.

##### **(b) Parameter 2: pelaksanaan undang-undang anti lompat parti kepada Ahli Parlimen/Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN)**

Seramai 6,945 orang awam bersetuju untuk undang-undang anti lompat parti ini terpakai kepada Ahli Dewan Rakyat diikuti Ahli Dewan Undangan Negeri seramai 6,905 manakala Ahli

Dewan Negara seramai 4,739 orang. Selain itu, seramai 102 orang responden Ahli Parlimen berpendapat bahawa undang-undang ini wajar terpakai kepada Ahli Dewan Undangan Negeri diikuti Ahli Dewan Rakyat seramai 98 orang dan Ahli Dewan Negeri seramai 63 orang.

**(c) Parameter 3: pengecualian terhadap tindakan lompat parti oleh Ahli Parlimen/Ahli DUN**

Beberapa pengecualian terhadap tindakan lompat parti oleh Ahli Parlimen/Ahli DUN telah dipersetujui kedua-dua kumpulan responden, antaranya seperti parti diwakili dibubarkan, menyokong usul parti lain di Parlimen, Ahli bebas masuk parti politik, berpindah sebelum Pilihan Raya Umum, bertukar gabungan, dipaksa/diugut/difitnah dan pelantikan Ahli Parlimen/Ahli DUN sebagai Speaker.

**(d) Parameter 4: kekosongan akibat lompat parti terjumlah kepada suatu kekosongan luar jangka di bawah perkara 54 Perlembagaan Persekutuan**

Seramai 80 orang responden ahli Parlimen bersetuju bahawa kekosongan akibat lompat parti terjumlah kepada suatu kekosongan luar jangka di bawah perkara 54 Perlembagaan Persekutuan manakala selebihnya 30 orang tidak bersetuju dengan kenyataan ini.

### **(e) Kriteria calon wakil rakyat**

Secara umumnya, hampir 90% daripada responden orang awam dan Ahli Parlimen bersetuju bahawa kriteria utama pemilihan calon wakil rakyat adalah berdasarkan keupayaan dan kredibiliti calon tersebut diikuti kriteria seterusnya berdasarkan prestasi politik yang diwakili calon dan lebih 30% responden berpandangan latar belakang keluarga atau calon itu sendiri mempengaruhi pemilihan calon wakil rakyat.

### **(f) Faktor wakil rakyat keluar parti**

Secara keseluruhannya, lebih 80% responden orang awam dan Ahli Parlimen bersetuju bahawa dua faktor utama yang menyebabkan wakil rakyat keluar parti adalah ditawarkan kedudukan/jawatan dalam parti memerintah dan ditawarkan hadiah berbentuk kewangan. Selain itu, hilang kepercayaan kepada parti juga menyebabkan wakil rakyat bertindak keluar parti. Namun, hanya 20% responden berpandangan tindakan wakil rakyat keluar parti adalah kerana faktor tanggungjawab terhadap rakyat/Kawasan Parlimen yang diwakili.

### **(g) Tindakan wakil rakyat lompat parti mempengaruhi undi**

Berdasarkan soal selidik itu juga, jelas hampir 89% daripada responden orang awam dan Ahli Parlimen bersetuju bahawa tindakan wakil rakyat yang lompat parti akan mempengaruhi undi rakyat kepada wakil rakyat tersebut.

## **SYOR**

30. Berdasarkan penjelasan di atas, syor kajian awal ini adalah untuk mekanisme mengekang tindakan lompat parti **dibuat melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan** kerana sebarang tindakan untuk menggubal RUU Pemecatan Ahli Parlimen atau suatu undang-undang anti lompat parti memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi tujuan penyelarasan dan mengelakkan sebarang percanggahan dengan undang-undang tertinggi negara.

**Disediakan oleh:**

**Seksyen Dasar dan Penyelidikan**

**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri**

**Disember 2021**